

Bahagian A

Jawab semua soalan.

7.1 Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

Soalan 1 dan 2 berdasarkan tokoh berikut.

Abdul Said bin Omar

- 1 Apakah nama lain yang digunakan oleh tokoh tersebut?
 - A Dol Said
 - B Mat Salleh
 - C Tok Janggut
 - D Dato' Maharaja Lela

Buku Teks m.s. 173

- 2 Apakah lokasi yang menjadi tempat perjuangan tokoh tersebut?
 - A Naning
 - B Rembau
 - C Ulu Muar
 - D Sungai Sugut

Buku Teks m.s. 173

- 3 Pilih pasangan jawapan yang betul berkaitan dengan faktor penentangan tokoh berikut terhadap imperialis Barat.



Dato' Bahaman

	Faktor Penentangan	
A	Pembinaan kubu	Perlucutan jawatan
B	Perlucutan jawatan	Anak buah ditangkap
C	Anak buah ditangkap	Pembinaan balai polis
D	Pembinaan balai polis	Kehilangan hak memungut cukai

Buku Teks m.s. 174

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sarawak pada tahun 1860.

Wujud pakatan sulit untuk menentang Brooke

Siapakah tokoh yang berperanan utama dalam pakatan tersebut?

- A Sharif Masahor
- B Dato' Patinggi Abdul Halim
- C Sultan Abdul Mumin Brunei
- D Pengiran Temenggung Abdul Rahman


Buku Teks m.s. 176

- 5 Apakah etnik tempatan yang terlibat dalam pembentukan pakatan sulit untuk menentang pentadbiran Brooke di Sarawak?

- I Bisaya
- II Dayak
- III Melayu
- IV Melanau
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 176

- 6 Peta berikut merupakan lokasi penentangan Tok Janggut terhadap penjajahan British.



Mengapakah beliau melakukan penentangan tersebut?

- A Perlucutan jawatan
- B Pelaksanaan Sistem Residen
- C Pelaksanaan peraturan cukai
- D Pembinaan kubu pertahanan

Buku Teks m.s. 176

- 7 Tokoh berikut telah meneruskan gerakan penentangan pemimpin tempatan X terhadap penjajahan Barat di negara kita.

Mat Sator

Siapakah pemimpin tempatan X?

- A Haji Said
- B Mat Salleh
- C Sharif Masahor
- D Penghulu Adam

Buku Teks m.s. 177

Soalan 8 dan 9 berdasarkan tindakan yang telah dilakukan oleh nasionalis tempatan terhadap British.

Memohon Lesen Wakil (pleader)

- 8 Siapakah tokoh yang telah berbuat demikian?
- A Yamtuan Antah
 - B Dato' Maharaja Lela
 - C Haji Hassan bin Munas
 - D Haji Abdul Rahman Limbong

Buku Teks m.s. 179

- 9 Apakah kepentingan Lesen Wakil (pleader) kepada tokoh tersebut?
- A Membela penduduk menentang British
 - B Mengekalkan pelantikan jawatan beliau

- C Memudahkan usaha memajukan pertanian
- D Menghalang pelaksanaan cukai terhadap penduduk

Buku Teks m.s. 179

7.2 Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat Tempatan

- 10 Pentadbiran Brooke di Sarawak telah melibatkan pembesar berikut dalam pentadbiran.

- Datu Patinggi
- Datu Temenggung

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Menyatukan penduduk tempatan
- B Memudahkan peluasan kuasa Barat
- C Melucutkan jawatan tradisional peribumi
- D Memajukan tanaman komersial tempatan

Buku Teks m.s. 180

- 11 Tokoh-tokoh berikut telah mengadakan perundingan semasa pentadbiran SBUB di Sabah.

- Mat Salleh
- William Cowie

Apakah persetujuan yang dicapai melalui perundingan tersebut?

- A Mat Salleh dibayar ganti rugi
- B Mat Salleh mentadbir Tambunan
- C SBUB menguasai kawasan Mat Salleh
- D SBUB membatalkan kutipan cukai di Sabah

Buku Teks m.s. 181

- 12 Siapakah tokoh tempatan yang telah dilantik oleh British untuk menjawat jawatan berikut?

Tok Kweng Muda

- A Dol Said
- B Tok Janggut
- C Engku Besar Jeram
- D Dato' Maharaja Lela

Buku Teks m.s. 181

- 13 Pelantikan tokoh berikut bertujuan untuk memberikan nasihat kepada pemimpin tempatan X.

Kapten Speedy

Siapakah X?

- A Mat Salleh
- B Dato' Kelana
- C Dato' Bahaman
- D Menteri Ngah Ibrahim

Buku Teks m.s. 181

- 14 Apakah faktor pemangkin yang membawa kepada gerakan kebangkitan Dato' Bahaman di Pahang?

- A Pembinaan balai polis
- B Pelaksanaan cukai tanah
- C Pengamalan sistem penasihat
- D Penyerangan terhadap penduduk

Buku Teks m.s. 181

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah yang telah diambil oleh pentadbiran British.

Dato' Bahaman dan pembesar lain yang berkuasa di Semantan tidak dibenarkan memungut cukai

Apakah tindakan British untuk memastikan langkah tersebut dapat dilaksanakan?

- I Pembatalan pajakan pungutan cukai
 - II Pengenalan Pegawai Majistret
 - III Pelantikan Pemungut Hasil
 - IV Pembentukan jajahan baharu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 181

- 16 Majlis Mesyuarat Negeri mengeluarkan perisytiharan sistem pungutan cukai baharu oleh British yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1915.

Apakah perbezaan sistem pungutan cukai setelah kedatangan British?

- A Mengutip cukai berdasarkan jumlah keluaran
- B Melaporkan jumlah keluasan sawah padi yang dimiliki

- C Mengecualikan cukai bagi tanah yang tidak diusahakan
- D Mengutip cukai di kawasan kampung

Buku Teks m.s. 182

- 17 Apakah faktor yang membawa kepada penentangan penduduk tempatan terhadap sistem percukaian yang dikenakan oleh British di Kelantan?

- I Hanya tanah yang diusahakan dikenakan cukai
 - II Penggunaan mata wang British
 - III Pejabat bayaran cukai yang jauh
 - IV Hanya boleh bayar cukai pada waktu pejabat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 182

- 18 Tokoh berikut pernah bertugas semasa pentadbiran Dinasti Brooke.

D.J.S. Bailey

Apakah arahan yang telah dikeluarkan oleh beliau pada tahun 1894?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Memusnahkan rumah panjang
- C Menangkap pemimpin kaum Iban
- D Mengenakan cukai terhadap tangkapan ikan

Buku Teks m.s. 183

- 19 Pentadbiran SBUB di Sabah menindas orang Murut.

Antara yang berikut, apakah penindasan yang dilakukan?

- I Dilarang membuka tanah baharu untuk pertanian pindah
 - II Suami isteri orang Murut dipaksa tinggal berasingan
 - III Paksaan berpindah ke petempatan lain
 - IV Bayaran cukai hanya boleh dijelaskan semasa waktu pejabat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 183

7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan terhadap Kuasa Barat

- 20 Pembinaan kubu berikut oleh penduduk tempatan menyukarkan British untuk menguasainya.

Kubu di Paroi

Mengapakah keadaan ini berlaku?

- I Terletak di atas bukit yang tinggi
 - II Dilengkapi persenjataan yang moden
 - III Lokasinya di tebing sungai yang berlumpur
 - IV Halangan pokok tumbang di bahagian hadapan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 184

- 21 Apakah strategi yang digunakan oleh British untuk menewaskan perjuangan Yamtuan Antah di Negeri Sembilan?

- A Membina kubu pertahanan
- B Menggunakan kapal perang
- C Menggunakan meriam besar
- D Mendapatkan bantuan Belanda

Buku Teks m.s. 186

- 22 Tindakan berikut dilakukan oleh Yamtuan Antah selepas ditewaskan oleh British.

Berundur ke negeri X

Apakah negeri X?

- A Johor
- B Melaka
- C Pahang
- D Kelantan

Buku Teks m.s. 186

- 23 Tokoh berikut terlibat dalam gerakan penentangan terhadap British.

Haji Abdul Rahman Limbong

Apakah hukuman yang dijatuhkan oleh British terhadap beliau?

- A Dibuang negeri
- B Dihukum penjara
- C Dihukum gantung
- D Dilucutkan jawatan

Buku Teks m.s. 187

- 24 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa yang pernah berlaku di negara kita.

Tahun	Peristiwa
1928	Tercetus Kebangkitan Tani

Apakah kawasan yang terlibat dengan kebangkitan tersebut?

- I Besut
 - II Marang
 - III Kuala Berang
 - IV Kuala Dungun
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 187

- 25 Bagaimanakah reaksi masyarakat tempatan semasa tercetusnya Kebangkitan Tani 1928 di Terengganu?

- I Mengisytiharkan kemerdekaan Terengganu
 - II Membersihkan tanah tanpa pas kebenaran
 - III Menduduki bangunan kerajaan
 - IV Menguasai balai polis
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 187

- 26 British berjaya menakutkan rakyat supaya tidak menyokong atau menyertai perjuangan Tok Janggut.

Apakah tindakan British?

- A Melucutkan jawatan tradisional pemimpin
- B Menggunakan senjata moden
- C Mengugut rakyat dengan hukuman berat
- D Mengisytiharkan penderhakaan terhadap sultan

Buku Teks m.s. 188

- 27 Apakah kaedah yang telah digunakan oleh British untuk melemahkan perjuangan Mat Salleh di Sabah?

- A Ugutan
- B Desakan
- C Manipulasi
- D Tipu muslihat

Buku Teks m.s. 188

7.4 Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan

- 28 Penentangan masyarakat tempatan membawa kerugian kepada pentadbiran British. Berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh British dalam Perang Perak?
- A 7000 Pound Sterling
 - B 10 000 Pound Sterling
 - C 100 000 Pound Sterling
 - D 400 000 Pound Sterling

Buku Teks m.s. 190

- 29 Pelantikan jawatan berikut ditentukan oleh pentadbiran British.

Residen

Apakah kriteria yang diperlukan untuk menyandang jawatan tersebut?

- I Pandai mengambil hati
 - II Menguasai adat tempatan
 - III Perkenan oleh Raja-raja Melayu
 - IV Boleh bertutur dalam bahasa Inggeris
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 190

- 30 Majlis berikut telah ditubuhkan semasa pentadbiran British di Tanah Melayu.

Majlis Mesyuarat Negeri

Apakah pihak yang melantik ahli majlis tersebut?

- A Sultan
- B Residen
- C Gabenor
- D Ahli Parlimen

Buku Teks m.s. 190